Alat muzik tradisional kebanyakannya menggunakan bahan buluh. Tambahan lagi, penggunaan buluh amatlah penting dalam pembuatan alat muzik tradisional seperti angklung di Malaysia (Muridan, 2019). Namun begitu, sumber bahannya amatlah sukar dicari kerana hanya spesies buluh hitam (GA) sahaja yang menjadi pilihan utama (Muridan 2019; Nuriyatin 2000; Widjaja, 1980). Di Malaysia, spesies buluh hitam (GA) adalah bukan tumbuhan asal, justeru kajian ini adalah untuk mengetahui buluh jenis lain yang mampu menyaingi buluh yang menjadi pilihan. Menurut Oktawirani (2013) keperluan bahan spesies buluh hitam (GA) hanya akan dapat dipenuhi hanya 10 tahun akan datang memandangkan terdapatnya jumlah buluh hitam (GA) yang sedikit pada masa itu.



Tumbuhan popular di Malaysia dipilih sebagai bahan gentian iaitu spesies buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV) kerana disyorkan oleh pembuat angklung di Malaysia dan Indonesia antaranya menurut Utusan Online (2010) dan Muridan (2019) pembuat angklung Malaysia menggunakan spesies buluh semantan (GS) sebagai bahan asas membuat angklung selain bahan pilihan utama buluh hitam (GA) manakala di Indonesia menurut Nuriyatin (2000) spesies buluh minyak (BV) juga digunakan dalam pembuatan angklung namun kurang berbanding spesies buluh hitam (GA). Menurut Muridan (2019) buluh yang digunakan olehnya adalah buluh hitam (GA) adalah pilihan utama tapi bilangannya sedikit di Malaysia namun pilihan kedua adalah buluh semantan (GS), buluh minyak (GS), buluh keropok (nama tempatan di johor), buluh joran (nama tempatan di johor), serta mana ciri-ciri buluh tersebut keras dan berkualiti boleh digunakan.

Di samping itu, kekurangan pembuat angklung di Malaysia didorong kurangnya pembaharuan terhadap muzik tempatan ini untuk berdaya saing dengan muzik moden serta kekurangan bahan asas pembuatan angklung. Justeru itu, penyelidik ingin mengangkat sumber gentian ini bagi memudahkan pereka/pembuat angklung menghasilkan angklung. Hal ini kerana, dengan bahan asas gentian yang baru dapat membantu mendapatkan bahan dengan senang oleh pembuat angklung dan alat muzik ini akan lebih berdaya saing serta membantu industri alat muzik tradisional di dunia. Menyedari keperluan bahan utama adalah terhad dan ini menyebabkan penyelidik ini mengkaji bahan gentian yang menjadi pilihan serta menjalankan kajian yang terperinci terhadap bahan dan bunyi seterusnya membantu pembuat angklung

dan penyelidikan untuk masa hadapan terhadap dari segi panduan.

### **1.3 Latar Belakang Kajian**

Pada hakikatnya, budaya merupakan daya penggerak yang penting dalam proses pembangunan ekonomi masyarakat (Songjie & Xinghua, 2011). Pada hari ini, ianya menjadi sangat penting untuk kita memelihara warisan budaya sejarah yang berharga agar tidak ditelan zaman. Tambahan lagi, warisan budaya boleh dikatakan sebagai sumber pendapatan utama negara melalui sumber pelancongan. Sehubungan dengan itu, warisan budaya bukanlah tinggalan sejarah semata-mata, ianya merupakan identiti utama sesebuah negara dalam memacu menerusi pembangunan yang lestari selain dari sumber ekonomi.

Menurut Mohd Yuszaidi dan Muammar Ghaddafi (2015) telah mengkaji warisan budaya boleh terdiri daripada warisan budaya tidak ketara dan warisan budaya ketara, termasuklah warisan semulajadi dan warisan tokoh orang hidup. Di Malaysia, terdapat asas kepelbagaian warisan budaya seperti bentuk falsafah dan lambang budaya (Yusoff, Dollah & Kechot, 2011). Hofstede (1980) dalam Belshek (2006) menyatakan istilah budaya adalah dapat dibeza-bezakan antara satu kumpulan dari yang lain melalui pengaturcaraan kolektif minda yang dibenarkan dari generasi ke generasi, serta berubah sepanjang masa kerana setiap generasi menambah sesuatu yang tersendiri sebelum menyampaikannya. Menurut UNESCO (2003) pula mendefinisikan sebagai kesemua kompleks ciri rohani, bahan, intelektual dan emosi yang tersendiri yang menyifatkan masyarakat atau kumpulan sosial. Ianya juga termasuk hak asasi manusia, sistem nilai, kepercayaan, surat, cara hidup, seni dan tradisi.

Menurut Rosyadi (2012) asal usul kesenian angklung berasal daripada negara jiran iaitu Indonesia. Hal ini kerana, kesenian angklung ini telah menjadi warisan budaya dunia milik Indonesia yang dideklarasikan pada 18 Januari 2011 melalui pengiktirafan dan pengakuan dari UNESCO sebagai *The Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity Angklung*.

Angklung merupakan alat muzik tradisional yang berasal daripada Jawa Barat, Indonesia. Pelbagai spesies buluh yang menghasilkan angklung oleh penggiat angklung Indonesia antaranya, buluh spesies tali (*Gigantochloa apus*), temen (*Gigantochloa atter*), gombong (*Gigantochloa pseudoarundinacea* (Steudel) Widjaja) dan buluh hitam (GA) memiliki sifat karekteristik bahan asas ini dijadikan angklung (Nuriyatin, 2000). Menurut Khotimah, Khotimah, Wardani dan Sutiyono (2015), Widjaja (1987) dan (2001) dan Muridan (2019) buluh hitam (GA) dikenali sebagai spesies buluh yang mempunyai kulit hitam di batang sama ada segar atau kering memiliki kriteria sebagai bahan mentah untuk alat muzik seperti angklung. Menurut Siswanto et al. (2012) dan Muridan (2019) spesies buluh hitam (GA) sering digunakan dalam pembuatan angklung. Menurut Oktawirani (2013) permintaan spesies bahan buluh hitam (GA) hanya akan dapat dipenuhi sekurang-kurangnya 10 tahun akan datang memandangkan buluh ini hanya tinggal dengan jumlah yang sedikit.

Menurut pembuat angklung di Malaysia pula, Tumian Muridan (Pak Mian) hanya menggunakan buluh hitam (GA) yang paling sesuai namun buluh pilihan keduanya adalah buluh semantan (GS), buluh minyak (BV), buluh keropok (nama

tempatan di Johor) dan buluh joran (nama tempatan di Johor) sahaja yang sesuai. Pembuat angklung itu terpaksa mendapatkan bekalan di Batu Pahat sahaja atau menanamnya sendiri. Hal ini kerana, bahan yang hendak digunakan adalah terhad untuk sesetengah buluh tertentu sahaja yang sesuai. Justeru itu, kajian ini perlu dibuat untuk mencari jalan penyelesaian supaya buluh spesies lain mampu atau alternatif lain untuk mengelakkan buluh hitam (GA) sahaja sesuai digunakan seperti dinyatakan oleh pembuat angklung (Utusan Online, 2010; Muridan, 2019). Menurut Anokye, Bakar, Abare, Kalong dan Muhammad, (2014) buluh minyak (BV) dan buluh semantan (GS) merupakan tumbuhan yang popular di Malaysia. Buluh minyak (BV) juga digunakan dalam penghasilan angklung, namun kurang berbanding buluh hitam (GA) (Widjaja, 1980). Jika kita dapat lihat, di Indonesia buluh minyak (BV) digunakan juga dalam pembuatan angklung dan buluh semantan (GS) serta buluh minyak (BV) juga digunakan dalam pembuatan angklung di Malaysia. Walau bagaimanapun, buluh hitam (GA) adalah yang menjadi pilihan penggiat angklung (Muridan, 2019).

Buluh tergolong daripada keluarga rumput atau dilabel rumput raksasa serta merupakan bahan 'berlignoselulosa'. Dipelusuk bumi termasuk negara Malaysia terdapat kira-kira 72 'genus dan 1250 pelbagai spesies buluh (Liese, 1985). Sumber buluh begitu banyak sumbangannya kepada kehidupan manusia. Banyak kelebihan buluh antaranya, terdapat 1500 jenis barang yang diperbuat daripada buluh direkodkan seperti pengeluaran arang, kertas, pulpa, bahan karbon aktif, sumber bahan biologi dan barangan tradisonal. Selain itu, buluh juga membantu dalam pengurangan hakisan di kawasan cerun, keseimbangan gas oksigen dan karbon dioksida, memberi sumber

nutrien kepada pemuliharaan tanah selepas dibalok serta membantu dalam mengawal angin di tepi sungai (Roa, 1997).

Buluh adalah sumber yang mesra alam dan produk yang diperbuat daripadanya juga dikategorikan sebagai produk yang mesra alam. Menurut Fateh (1931), Numata (1979) dan Liese (1985) tempoh pematangan buluh yang amat singkat berbanding dengan pokok-pokok berkayu yang lain memberi kelebihan dalam membantu dalam sektor industri berasaskan kayu. Malah, masa yang singkat untuk buluh dituai atau matang membantu meningkatkan pengeluaran stok buluh.

Menurut Murphy dan Alvin (1997) lapisan berpolilamela dan orientasi mikrofibril yang pelbagai merupakan struktur selnya yang unik serta memberi kelebihan dari segi kekuatan buluh. Tambahan lagi, buluh mempunyai kekuatan ketegangan lebih 17% berbanding logam aloi dan 13% lebih keras kayu maple malah, 27 lebih kuat dari kayu oak merah menerusi kajian yang telah direkodkan (Roa, 1997).

Alat muzik angklung menggunakan bahan hampir 100% buluh (Nuriyatin, 2000; Muridan, 2019). Menurut Siswanto et al. (2012) terdapat pelbagai jenis angklung di kawasan-kawasan tertentu di Indonesia. Semua jenis angklung antaranya angklung Dongdong Lojor, angklung Baduy dan angklung Badeng asalnya digunakan sebagai aktiviti ritual bagi penanaman padi tradisional. Namun, selepas dimodenkan angklung beralih kepada tujuan hiburan seperti memainkannya secara okestra bersama alat muzik moden. Angklung mempunyai pelbagai variasi saiz, namun penghasillan

angklong yang kecil akan menghasilkan bunyi yang kuat berbanding angklong yang besar.

Menurut Kosmo Online (2013) sejarah asal usul kedatangan alat muzik angklong bertapak di Malaysia sekitar tahun 1930-an apabila masyarakat Ponorogo dari Kepulauan Jawa Barat, Indonesia berhijrah ke tanah air untuk menjalankan pekerjaan di kelapa sawit dan ladang getah di Malaysia. Tarian tradisi iaitu Reog dari kepulauan itu telah menggunakan angklong menyebabkan kedatangan alat muzik itu dibawa oleh mereka pada masa itu.

Menurut Matusky (1985), Ang (2011) dan Nasuruddin (1992) alat muzik angklong digunakan di Malaysia menerusi tarian tradisional iaitu kuda kepang di negeri Johor. Jumlah tiub angklong yang digunakan di Malaysia adalah sebanyak dua tiub (dua tabung) atau tiga tiga tiub (tiga tabung) namun yang paling popular digunakan adalah tiga tiub (tiga tabung) di Johor (Siswanto et al., 2012).

Secara umumnya, menurut Siswanto et al. (2012) dan Muridan (2019) angklong mempunyai dua bahagian utama iaitu bingkai dan tiub (tabung). Angklong tiga tiub (tiga tabung); tiub (tabung) yang pertama adalah tiub (tabung) yang terpendek manakala dua tiub (tabung) lagi yang hampir sama. Fungsi utama bingkai/rangka adalah untuk memegang tiub (tabung). Seterusnya, angklong dimainkan dengan memegang bingkai atas dan menggoyangkan bingkai bawah ke sisi. Selain itu, setiap tiub (tabung) mempunyai bahagian bawah tertutup dan bahagian atas terbuka. Alat ini dimainkan dengan memegang pemegang bingkai dalam satu tangan dan

menggoncangkan pangkalan bingkai dengan tangan yang lain. Seperti kaki tiub menyerang lubang asas, ia menghasilkan gelombang bunyi yang bergema melalui dinding tiub (tabung) dan udara di dalam. Walau bagaimanapun, apabila tiang dilanda 'slit' atau digerakkan di bingkai bawah maka gelombang udara akan dihantar melalui 'resonator' udara buluh kosong untuk menghasilkan bunyi. Setiap tiub (tabung) angklung akan menghasilkan bunyi 'pitch' yang berbeza yang bergantung kepada panjang tiub (tabung) dan diameter tiub (tabung).

Angklung juga menghasilkan bunyi yang mempunyai ciri khas iaitu parameter, 'pitch', tempoh, kualiti dan intensiti. Angklung juga dihasilkan dengan bunyi yang unik selain daripada mekanisme bunyi bergerak (Muridan, 2019). Kita boleh mendengar bunyi asas-asas yang menyumbang kepada nada, dan pada masa yang sama, kita dapat mendengar bunyi nada *note* yang berbeza yang ada dalam harmoni bunyi asas (Siswanto et al., 2012). Angklung bukan menghasilkan bunyi alat yang muzik seperti muzik tradisional gamelan dengan nada yang terhad, bunyi angklung mempunyai sesuatu yang *international* iaitu terdiri dari nada *keybord* piano atau *Melodica Pianica Musical* dan mengikut peredaran muzik semasa (Muridan, 2019).

Dalam proses pembuatan angklung, tiub (tabung) buluh ditala dengan menggunakan alat muzik *Melodica Pianica Musical* dan ini menunjukkan nada yang dihasilkan apabila tiub (tabung) diterjemahkan adalah sama dengan nada yang dihasilkan apabila ditiup. Seterusnya, kedudukan nod adalah di mana lubang dibuat untuk dilampirkan tiub (tabung) pada bingkai. Pada penghujung yang lain, tiub (tabung) perlu melangkah ke lubang di tiub (tabung) asas supaya ia menghasilkan

serangan/ketukkan yang optimum. Ini menentukan kejelasan dan keteguhan bunyi yang dihasilkan (Ekawati, Budi, Putra, Mahachandra, & Widyotriatmo, 2014).

Satu bagian angklung yang dihasilkan akan menghasilkan satu nada *note*. Justeru itu, beberapa angklung diperlukan untuk memainkan oktaf yang penuh. Contohnya, satu set angklung dalam oktaf diatonik terdiri daripada nada *note* C4, B4, A4#, A\$, G3#, G3, F3#, F3, E3#, E3, D3#,D3#, C3. Di sini kita dapat lihat A4 mempunyai 'pitch' yang sama dengan *standard* "A" dengan frekuensi utama iaitu 440Hz. Perbezaan bunyi angklung dengan alat muzik lain ialah "timbre". "Timbre" diwakili oleh spektrum frekuensi alat muzik yang unik. Oleh itu, "timbre" ditentukan oleh dimensi dan bentuk tiub (tabung), 'resonansi' antara tiub (tabung) dan kualiti "strike" (Ekawati et al., 2014).

Ekawati et al. (2014) telah mengkaji jenis dan sifat, kaedah pemeliharaan akan menentukan sifat akustik (note, timbre, kejelasan dan frekuensi), panjang umur dan tujuan alat muzik. Jika angklung adalah alat muzik bermutu tinggi maka bahan mestilah membuat dengan spesies yang terbaik iaitu ("hitam", "tali" dan "gombang"), atau yang tumbuh di iklim kering. Menurut Muridan (2019) buluh yang ditebang atau digunakan mestilah dalam musim yang kering dan memerlukan masa 2 hingga 3 bulan supaya betul baik untuk membuat angklung supaya bunyi dan bahan tidak rosak.

Menurut Budi, Suhada, Dipojono, Handoyo dan Sarwono (2013) angklung moden telah diinovasikan pada tahun 1938 oleh Daeng Soetigna dari Kuningan, Jawa Barat. Sebelum ini, angklung warisan di Jawa Barat telah menggunakan skala pentonik



Sunda (pelog, slendro atau madenda). Pak Daeng mencipta angklung yang menggunakan skala diatonik, dengan mendefinisikan dua jenis angklung iaitu melodi angklung, untuk bermain nada *note* utama lagu itu dan angklung pengiring (accompaniment angklung), untuk menyokong melodi dengan memainkan kord latar. Ini menunjukkan kebolehan alat muzik angklung moden untuk menyaingi alat muzik moden ketika ini. Menurut Muridan (2019) di Malaysia, terdapat tiga jenis angklung iaitu angklung permainan solo, koir dan mini.

Terdapat dua jenis angklung iaitu angklung melodi mempunyai dua tiub (tabung) dan keatas dengan bunyi yang berbeza nada *note* serta kord piano. Manakala, angklung pengiring (accompaniment angklung) mempunyai 3 tiub (tabung) dan ke atas serta mempunyai kord yang banyak (Budi et al., 2013).

Menurut Budi et al. (2013) terdapat tiga teknik angklung dimainkan iaitu teknik 'kerulung', teknik 'tengkep' dan teknik 'centok'. Variasi permainannya adalah teknik 'kerulung'; teknik paling umum iaitu angklung digoncangkan mengikut panjang nada, manakala teknik 'centok'; tekniknya adalah tiub (tabung) angklung diketuk dengan asas sekali dan akan menghasilkan nada *staccato* dan yang terakhir teknik 'tengkep'; selalunya dimainkan dengan teknik 'kerulung', tekniknya adalah dengan memegang salah satu tiub (tabung) bunyi dan menghasilkan 'pitch' yang tulen. Persembahan angklung selalunya dimainkan sekumpulan pemuzik iaitu setiap orang memegang satu nada *note* dan menggetarkan angklung mengikut giliran bagi sesebuah lagu seperti persembahan koir.

Persembahan angklung memerlukan sekumpulan orang untuk dimainkan, sama seperti persembahan koir. Setiap orang memegang satu atau lebih nada *note*. Kemudian mereka bersama-sama menggetarkan angklung pada gilirannya mengikut urutan lagu. Setiap variasi, terdapat teknik permainan angklung yang dimainkan oleh manusia: antaranya ‘kurulung’ adalah teknik yang paling umum di mana angklung terus digoncang selagi ditunjukkan oleh panjang nada *note*, ‘centok’ dimainkan dengan mengetuk tiub (tabung) asas sekali, menghasilkan nada *note staccato* dan ‘tengkep’ selalu dimainkan dengan teknik ‘kurulung’, dengan memegang salah satu tiub (tabung) bunyi, sehingga menghasilkan ‘pitch’ tulen (Budi et al., 2013).

Berbalik kepada bahan angklung, bagi mengkaji perbandingan bunyi angklung yang diperbuat dari buluh yang menjadi pilihan utama iaitu buluh hitam (GA) manakala buluh lain adalah buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV). Penyelidik memilih analisis bunyi menggunakan *Software Adobe Audition*. Analisis ini diperlukan menerusi rakaman. Persekitaran di dalam ruangan itu dikategorikan sebagai bilik yang sangat tenang atau sunyi seperti studio rakaman dan dianalisis menerusi kaedah *Audio Waze*, *Nada Note Spectrogram* dan Analisis Frekuensi Spektrum FFT bagi mengukur tahap bunyi.

#### 1.4 Pemilihan Semenanjung Malaysia sebagai Kawasan Kajian



Rajah 1.1: Peta Semenanjung Malaysia yang dikhususkan kepada negeri Johor sebagai kawasan kajian

Pemilihan Semenanjung Malaysia bagi mendapatkan maklumat tentang kewujudan alat muzik angklung kerana di Semenanjung lebih cenderung berbanding Sabah dan Sarawak. Hal ini kerana, di Sabah dan Sarawak alatan muzik tradisi mereka lebih banyak dihasilkan oleh penduduk setempat.

Walaupun alat muzik angklung ini mula wujud di Indonesia, namun alat muzik ini tersebar di kawasan Johor dan sering dimainkan di majlis tarian seperti tarian zapin, kuda kepang dan sebagainya. Sejak akhir-akhir ini, pembuat alat muzik ini kian pupus daripada arus pembangunan menyebabkan karya seni tempatan kurang dan kebanyakan penjual dan pembekal alat muzik ini mengambil atau menempah alat muzik ini dari negara jiran iaitu Indonesia.

Sehubungan dengan itu, menerusi kajian ini pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan alat muzik tradisional angklung di negeri Johor. Menurut maklumat orang ramai hanya seorang sahaja pembuat angklung di Johor menyebabkan kesulitan untuk mencari maklumat dan kekurangan pembuat alat muzik ini.

### **1.5    Penyataan Masalah**


Kawasan Asia Tenggara, terletaknya negara Malaysia yang berada dalam kelompok negara Nusantara yang berada berdekatan negara Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei serta Filipina. Menurut Wegst (2008) alat muzik di semua benua menunjukkan penggunaan semasa dan penemuan arkeologi alat muzik bahawa irama dan bunyi adalah bahagian universal dan rumit sifat manusia. Kebiasaanya, bentuk dan bunyi alat muzik mendedahkan dan mencerminkan bagaimana budaya dan masyarakat berfikir tentang muzik dan persembahannya. Oleh sebab itu, tanpa alat muzik sesebuah bunyi tidak akan terhasil muzik, serta muzik juga diterima baik oleh masyarakat. Menurut Masiswo, Mandegani dan Atika (2016) angklung popular di seluruh Asia Tenggara, tetapi diasaskan di Indonesia. Angklung juga diiktiraf sebagai Karya Amal dan Warisan Tidak Ketara oleh Kemanusiaan oleh UNESCO pada 18 November 2010. Angklung dan muzik telah menjadi identiti budaya komuniti Sunda di seluruh Indonesia.

Menurut Zainal et al. (2009) alat muzik tradisional tempatan yang dibuat daripada buluh yang dikategorikan dalam kumpulan alat muzik idiofon termasuklah alat muzik tradisional angklung. Berbalik kepada kenyataan diatas, untuk

menghasilkan sesebuah produk atau alat muzik memerlukan bahan. Oleh sebab itu, untuk menghasilkan sesebuah alat muzik angklung memerlukan bahan seperti buluh. Menurut Nuriyatin (2000) alat muzik ini menggunakan hampir 100% buluh. Berbagai jenis buluh yang menghasilkan angklung oleh penggiat angklung Indonesia antaranya, spesies buluh hitam (GA), buluh temen (*Gigantochloa atter*), buluh gombang (*Gigantochloa pseudoarundinacea Steud Widjaja*) dan buluh tali (*Gigantochloa apus*) memiliki sifat karekteristik bahan asas ini dijadikan angklung. Menurutnya lagi, buluh spesies buluh hitam (GA) sesuai dijadikan sebagai bahan untuk menghasilkan bunyi melalui pemilihan komponen utama angklung yang digunakan untuk tabung nada buluh hitam (GA) adalah spesies yang tumbuh di Jawa dan Sumatera, Indonesia. Menurut Khotimah, Wardani dan Sutiyono (2015) dan Muridan (2019) telah mengkaji sifat buluh hitam (GA) yang mempunyai kulit hitam di batang sama ada segar atau kering adalah sangat sesuai untuk dijadikan sebagai bahan mentah alat muzik angklung. Namun begitu, menerusi kajian Oktawirani (2013) keperluan bahan spesies buluh hitam (GA) hanya akan dapat dipenuhi hanya 10 tahun akan datang memandangkan terdapatnya jumlah buluh hitam (GA) yang sedikit pada masa itu.

Di Malaysia, Utusan Online (2010) pembuat angklung hanya menggunakan buluh hitam (GA) dan buluh semantan (GS) sahaja yang sesuai, justeru bahan yang digunakan untuk membuat angklung sukar untuk didapati di Malaysia. Pembuat angklung terpaksa mendapatkan bekalan di Batu Pahat sahaja atau menanamnya sendiri. Hal ini kerana, bahan yang hendak digunakan adalah terhad untuk sesetengah buluh tertentu sahaja yang sesuai dijadikan angklung. Justeru itu, kajian ini perlu dibuat untuk mencari jalan penyelesaian supaya bahan atau buluh gertian lain

(alternatif) untuk mengelakkan buluh hitam (GA) dan buluh semantan (GS) sahaja sesuai digunakan menurut pembuat angklung. Namun begitu, menurutnya lagi buluh hitam (GA) merupakan pilihan utama untuk menghasilkan angklung (Utusan Online, 2010). Jika diteliti lebih mendalam, bahan yang diketengahkan perlulah menghasilkan bunyi yang mampu bersaing dengan bahan yang sedia ada pembuat angklung dan ianya diharapkan mempunyai bunyi yang setanding atau sama dengan yang asal. Menurut Muridan (2019) buluh hitam (GA) adalah pilihan utama tapi bilangannya sedikit di Malaysia namun pilihan kedua adalah buluh semantan (GS), buluh minyak (GS), buluh keropok (nama tempatan di Johor), buluh joran (nama tempatan di Johor), serta mana keras dan berkualiti boleh digunakan.



Rajah 1.2: Spesies buluh yang menjadi pilihan penyelidik untuk dijadikan sebagai alat muzik angklung

Buluh yang popular di Malaysia adalah buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV) (Anokye et al., 2014). Sehubungan dengan itu, buluh minyak (BV) juga

digunakan dalam penghasilan angklung, namun kurang berbanding buluh hitam (GA) (Widjaja, 1980). Hasil data diperoleh, di Indonesia buluh minyak (BV) digunakan juga dalam pembuatan angklung manakala buluh semantan (GS) juga digunakan dalam pembuatan angklung di Malaysia. Namun, buluh hitam (GA) adalah yang menjadi pilihan utama pembuat angklung bagi kedua-dua negara. Bagi mengatasi kekurangan bahan untuk menghasilkan angklung, kajian perlu dilakukan keatas buluh yang ada di Malaysia agar mencari bahan gantian atau formula baru supaya tidak bergantung kepada buluh hitam (GA) sahaja. Sehubungan itu, analisis bunyi perlu dilakukan terhadap ketiga-tiga buluh agar mencari faktor buluh hitam (GA) menjadi pilihan ataupun sebaliknya.

Menurut Kosmo Online (2012) alat muzik angklung merupakan peralatan muzik yang agak sukar dijaga dan sensitif. Jika diteliti lebih mendalam, sensitiviti angklung terletak pada bahannya yang perlu dijaga kerana boleh menyebabkan buluh merekah dan mengembang akibat terdedah cuaca panas dan terkena air. Malah, penalaan boleh berubah apabila terjatuh. Hal ini kerana, kekuatan atau ketahanan buluh tidak sama dengan logam (Kosmo Online, 2012). Justeru itu, kajian perlu dilakukan bagi mengetahui keupayaan ketiga-tiga buluh itu dari segi fizikal dan mekanikal agar faktor yang menyebabkan buluh hitam (GA) menjadi pilihan ataupun buluh selain buluh hitam (GA) mampu menjadi bahan menggantikan buluh hitam (GA) yang menjadi pilihan serta mengetahui penemuan baru yang belum diketahui.

## **1.6 Persoalan kajian**

- a) Adakah terdapat spesies buluh lain yang boleh digunakan dalam pembuatan angklung sebagai bahan (alternatif)?
  
- b) Sejauhmanakah sifat-sifat dalaman dan luaran yang terdapat pada spesies buluh hitam (GA) menghampiri/menyamai bahan alternatif iaitu spesies buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV)?
  
- c) Sejauhmanakah bunyi yang dihasilkan daripada buluh spesies buluh hitam (GA) menghampiri/menyamai bahan gentian (alternatif) iaitu spesies buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV)?

## **1.7 Objektif Kajian**

Berdasarkan kenyataan masalah di atas, kajian ini dilaksanakan dengan tujuan dan objektif berikut:

- a) Mengenal pasti jenis spesies buluh yang digunakan dalam pembuatan angklung sebagai bahan gentian (alternatif).
  
- b) Mengkaji sifat-sifat fizikal dan mekanikal spesies buluh hitam (GA), buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV) yang mempunyai kaitan dengan kesan bunyi yang dihasilkan.



- c) Menganalisis data daripada hasil kajian bagi menentukan jenis buluh, jenis bunyi serta sifat-sifat dalaman dan luaran spesies buluh.

Kesemua objektif dan persoalan yang dinyatakan dapat digambarkan dengan lebih jelas dalam jadual 1.1 hubungan antara objektif dan persoalan seperti berikut:

Jadual 1.1: Hubungan antara objektif dan persoalan

Objektif kajian	Persoalan kajian
1. Mengenal pasti jenis spesies buluh yang digunakan dalam pembuatan angklung sebagai bahan gentian (alternatif).	i. Adakah terdapat spesies buluh lain yang boleh digunakan dalam pembuatan angklung sebagai bahan (alternatif)?
2. Mengkaji sifat-sifat fizikal dan mekanikal spesies buluh hitam (GA), buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV) yang mempunyai kaitan dengan kesan bunyi yang dihasilkan.	ii. Sejauhmanakah sifat-sifat dalaman dan luaran yang terdapat pada spesies buluh hitam (GA) menghampiri/menyamai bahan alternatif iaitu spesies buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV)?
3. Menganalisis data daripada hasil kajian bagi menentukan jenis buluh, jenis bunyi serta sifat-sifat dalaman dan luaran spesies buluh.	iii. Sejauhmanakah bunyi yang dihasilkan daripada buluh spesies buluh hitam (GA) menghampiri/menyamai bahan gentian (alternatif) iaitu spesies buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV)?

## 1.8 Kepentingan Kajian

Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang telah dibuat, penyelidik mendapati bahawa kajian ini adalah penting terutamanya dalam bidang alat muzik tradisional

terutama angklung yang menggunakan bahan asas sepenuhnya buluh bagi meningkatkan pembangunan dalam alat tradisional muzik ini.

Kajian ini dapat mengetahui bahan gantian untuk menggantikan buluh yang sukar diperoleh. Buluh yang paling sesuai untuk dijadikan angklung di Malaysia adalah spesies buluh hitam (GA) berbanding buluh semantan (GS) dan buluh minyak (BV). Ini menunjukkan spesies ini sukar didapati menerusi maklumat yang diterima menerusi pembuat angklung di Johor iaitu Pak Mian (Utusan Online, 2010). Kajian ini juga dapat mengetahui sifat-sifat fizikal dan mekanikal yang ada dalam buluh yang dipilih menerusi kajian perbandingan yang akan dibuat.

Kepentingan kajian ini adalah dengan membantu para penyelidik dan orang ramai terhadap pengetahuan tahap bunyi yang dianalisis terhadap buluh hitam (GA) dalam pembuatan angklung dengan bahan buluh yang lain. Hal ini kerana, untuk mengenalpasti sumber bahan gantian (alternatif) serta membantu keupayaan buluh lain serta membantu kebergantungan terhadap buluh hitam (GA).

Akhir sekali, kajian ini amat penting dalam memartabatkan alat muzik tradisional seperti angklung yang semakin hari semakin tenggelam dalam arus muzik moden pada hari ini serta mengetahui keupayaan buluh lain.

## **1.9 Skop kajian**

Memandangkan kajian ini mempunyai skop yang luas, penyelidik telah menggariskan beberapa skop kajian bagi mengoptimumkan hasil kajian supaya

menjadi lebih lengkap, teratur dan yang paling penting menjurus kepada menjawab persoalan tujuan dan objektif kajian ini. Kajian ini akan tertumpu kepada alatan muzik yang diperbuat daripada buluh iaitu angklung yang berada di Malaysia. Memandangkan alat muzik ini sering dimainkan oleh pemuzik atau pelajar muzik, penyelidik telah memilih untuk fokus kepada responden yang bergiat aktif dalam alat muzik seperti tokoh muzik dan pemain muzik. Pemilihan ini dibuat atas dasar mempunyai pengalaman dan sokongan para peminat muzik.

Penyelidikan yang dibuat lebih berfokus kepada reka bentuk, bahan dan bunyi yang hanya berfokus kepada teknik goncangan yang terpilih sahaja iaitu teknik ‘kerulung’, ‘tengkep’ dan ‘centok’ menggunakan jenis alat muzik angklung yang terpilih sahaja. Pemilihan ini berdasarkan kepada hasil pemerhatian, maklumat keatas pemain muzik, pembuat angklung, ujikaji bahan dan analisis bunyi yang dibuat oleh penyelidik.

### **1.10 Batasan Kajian**

Dalam usaha untuk menyiapkan kajian ini, terdapat beberapa halangan yang telah dikenalpasti. Hal ini kerana, untuk menyelesaikan penyelidikan ini pelbagai cabaran dan batasan perlu dilalui oleh penyelidik.

Batasan yang pertama adalah bahan penulisan, teks dan kajian yang berkaitan dengan reka bentuk, bahan dan frekuensi khususnya alat muzik angklung di Malaysia adalah terhad. Untuk tujuan analisis, selain daripada temu bual penyelidik dan kaedah pemerhatian kajian ini terpaksa bergantung penuh kepada kajian analisis bunyi.

Pengumpulan maklumat adalah sukar kerana permainan angklung kurang perhatian dan kurang dimainkan di Malaysia kecuali negeri Johor. Malah, pihak Jabatan Kesenian Kebudayaan Malaysia kurang mengkomersilkan alat muzik tradisional ini. Selain itu, tiada muzium alat muzik tradisional yang khusus di Malaysia. Seterusnya, usia pembuat pembuat angklung yang agak lanjut memberi kesukaran dari segi komunikasi. Di samping itu, hanya seorang sahaja pembuat alat muzik tradisional angklung ini di Malaysia. Justeru, penyelidik mestilah mempunyai masa yang lama di tempat kajian agar memaksimum maklumat yang diperoleh.

Selain itu, projek ini mestilah mempunyai pembiayaan yang cukup supaya hasil kajian adalah berkualiti kerana penyelidik boleh membuat eksperimen yang lebih banyak dan baik. Seterusnya, jarak yang jauh antara penyelidik dengan pembuat angklung menyukarkan penyelidik kerana di Malaysia pembuat angklung adalah amat kurang. Selain itu, penyelidik boleh mengembangkan pengetahuan dengan mengkaji tempat asal usul angklung wujud serta menyoal selidik banyak pembuat angklung di Malaysia dan Indonesia.

Akhir sekali, melihat kepada alat muzik angklung, penyelidik hanya tertumpu kepada tiga kategori masing-masing serta menetapkan batasan kepada bahan, bunyi dan reka bentuk dalam alat muzik tradisional angklung di Malaysia.